

Wadah



وأفكاه

JANUARI - MAC 2024

BILANGAN 86 | JILID 27

Sambutan Hari Kebangsaan
Ke

40



DASAR PENUBUHAN

YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

Menjadi Wadah Amal Jariah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanah Bolkia Mu'izzaddin Waddaulah
dan Ahli Keluarga Baginda.

Sebagai Tanda Pemedulian dan Kasih

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanah Bolkia Mu'izzaddin Waddaulah
kepada rakyat Baginda yang sentiasa taat setia
kepada Baginda dan Kerajaan Baginda.

Menjadi Lambang Pembentukan dan Perpaduan Masyarakat
dan Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur serta
keharmonian umat manusia antarabangsa mengikut keadaan dan
kesesuaian yang direndai oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala.



“ ... Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala, di atas limpah rahmatNya jua, dapatlah kita bersama-sama meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-40 Tahun pada tahun ini yang bertemakan “Bersatu Mencapai Cita Negara”.

Nikmat 40 tahun kemerdekaan yang kita sambut pada hari ini, merupakan kurnia Allah melalui usaha dan perjuangan generasi masa kini dan orang-orang sebelum kita.

Pengertian kemerdekaan merangkumi aspek-aspek kebebasan dan pencapaian hidup harmoni. Inilah pengertian sejati kemerdekaan itu.

Kerana itu, kemerdekaan mesti dipelihara, ditanai dan dipertahankan demi kesucian ugama dan kedaulatan bangsa, negara dan raja.

Ini semua memerlukan adanya perpaduan dan semangat patriotisme dikalangan rakyat jelata, selaku tunjang ketahanan dan keutuhan negara.

Alhamdulillah, sejak empat (4) dekad kemerdekaan, negara telah meraih pelbagai pencapaian bermakna, dalam banyak bidang. Ini terbukti, apabila negara beroleh kedudukan yang tinggi dalam laporan Human development Indeks (HDI) pada tahun 2021, yang meletakkan Negara Brunei Darussalam di tangga ke-51 daripada 191 buah negara. Dari petunjuk terbitan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ini yang mengukur taraf kehidupan dan ekonomi, maka dapatlah kita menterjemahkannya sebagai keberhasilan usaha negara dalam meningkatkan jangka hayat penduduk, kemahiran dan pendidikan serta kualiti kehidupan, selaras dengan Sustainable Development Goals (SDG) dan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035... ”

PETIKAN TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN

HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH

IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,

SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KALI KE-40 BAGI TAHUN 1445H / 2024M

PADA 13 SYAABAN 1445 BERSAMAAN 23 FEBRUARI 2024



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

“ ... Yayasan Paduka Ayahanda ini telah mencapai usia tiga dekad dan telahpun menempuhi beberapa fasa peningkatan dan perkembangan ke arah meningkatkan dan merangsang pembangunan sosioekonomi dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara ini, selaras dengan dasar dan matlamat asal penubuhannya.

Pada dekad keempat penubuhannya, saya gembira mengetahui, Yayasan Paduka Ayahanda sedang giat melaksanakan Pelan Strategik Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah 2020-2025.

Apa yang saya hasratkan ialah bagi Yayasan Paduka Ayahanda ini akan terus proaktif, kreatif dan adaptif dalam merencanakan dan melaksanakan projek dan program baharu yang lebih memberikan impak yang positif terhadap pembangunan sosioekonomi masyarakat kearah mencapai matlamat bagi memperkasa 'Masyarakat Mandiri'... **”**

PETIKAN SABDA

DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA 'ABDUL MALIK
IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH,
PENGERUSI JEMAAH TADBIR YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH



DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA 'ABDUL MALIK
IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH,
PENGERUSI JEMAAH TADBIR YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

Jemaah Tadbir

(13 MAC 2023 – 06 JUN 2026)



Pengerusi

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

Timbalan Pengerusi 1

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris
bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar
Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri

Timbalan Pengerusi 2

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned
Mufti Kerajaan, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri

Ahli-Ahli

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin
bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman
Menteri Hal Ehwal Ugama

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II

Lembaga Pengarah

(13 Mac 2023 – 06 Jun 2026)

Pengerusi

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof
Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II

Timbalan Pengerusi

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar
Menteri Kesihatan

Ahli-Ahli

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin
Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh
Menteri Pendidikan

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

**Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti
Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa (hingga 28 Februari 2024)**
Peguam Negara, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohd Riza bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos
Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu
Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani
Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal)

Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan
Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak
Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan
selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamiddon bin Haji Ibrahim
Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Yang Mulia Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman
Penolong Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Jawatankuasa Pandu Skim Biasiswa “Sultan’s Scholar” Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Pengerusi

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar
Menteri Kesihatan

Timbalan Pengerusi

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh
Menteri Pendidikan

Ahli-Ahli

**Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad
bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa**
Peguam Negara, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohd Riza bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos
Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan
Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail
Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad
Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan

Urus Setia

Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak
Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan
selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Lembaga Tadbir Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Pengerusi

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh
Menteri Pendidikan

Timbalan Pengerusi

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu
Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri

Ahli-Ahli

Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak
Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan
selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin
Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamiddon bin Haji Ibrahim
Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Yang Mulia Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman
Penolong Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**Yang Mulia Pengiran Datin Paduka Hajah Hairani binti Pengiran Maharaja Lela
Pengiran Muda Abdul Kahar**

Yang Mulia Pengiran Hira bin Pengiran Haji Mohd Omar
Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yang Mulia Dayang Sicuyati binti Haji Sulaiman
Timbalan Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Setiausaha Bersama

Yang Mulia Dayang Chong Li Chen
Pengetua Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yang Mulia Dayang Hajah Mariam binti Haji Ladi
Pengetua Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Jawatankuasa Pelaburan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Pengerusi

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin
Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Timbalan Pengerusi

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid
Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi)

Ahli-Ahli

Yang Mulia Awang Haji Sofian bin Mohammad Jani
Pemangku Pengarah Urusan, Agensi Pelaburan Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman
Penolong Pengarah Urusan, Agensi Pelaburan Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia Awang Mozart bin Haji Brahim
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Bursa Brunei Darussalam Sendirian Berhad

Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak
Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan
selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Urus Setia selaku Setiausaha

Yang Mulia Dayang Noor Zarina binti Haji Mohamed Salleh
Pegawai Pelaburan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Jawatankuasa Meneliti Bantuan-Bantuan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Pengerusi

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

Timbalan Pengerusi

Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan
Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama

Ahli-Ahli

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin
Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia Awang Maswadi bin Haji Mohsin
Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan

Yang Mulia Awang Abdul Walid bin Haji Matassan
Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak
Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan
selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin
Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan

Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari
Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamiddon bin Haji Ibrahim
Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Yang Mulia Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd Salleh
Pengarah Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal,
Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Sekretariat

Yang Mulia Dayang Sufinah binti Haji Sulaiman
Pemangku Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial)
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

**Yang Mulia Pegawai-Pegawai di Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial,
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah**

Jawatankuasa Pandu Pelan Strategik Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Pengerusi

**Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti
Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa**
Peguam Negara, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri

Timbalan Pengerusi

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohd Riza bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos
Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri

Ahli-Ahli

Yang Mulia Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohamad
Setiausaha Tetap (Wawasan), Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak
Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan
selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin
Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan

Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari
Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamiddon bin Haji Ibrahim
Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Yang Mulia Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman
Penolong Pengarah Urusan, Agensi Pelaburan Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Peneraju

Yang Mulia Awang Abdullah @ Dollah bin Haji Ahad,
Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Korporat) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yang Mulia Dayang Sufinah binti Haji Sulaiman
Pemangku Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial)
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yang Mulia Awang Samsudin bin Haji Puasa
Pemangku Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Projek Khas) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yang Mulia Dayang Siti Afshah binti Abu Bakar
Pegawai Kewangan Kanan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yang Mulia Awang Fazlan bin Haji Othman
Pengurus Umum, Wadah Amal Sendirian Berhad

Urus Setia

Yang Mulia Pengiran Hajah Asiah binti Pengiran Haji Damit
Pegawai Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
(Bahagian Pengurusan Data dan Sukarelawan, Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial)

Yang Mulia Awang Muhammad Hibatul Hakimi bin Haji Suhaili
Pegawai Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
(Bahagian Pengurusan Perumahan Kampung Bolkiah, Perkhidmatan Projek Khas)

Jawatankuasa Audit Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Pengerusi

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin
Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Timbalan Pengerusi

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

Ahli-Ahli

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu
Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Awang Haji Asrul Adrian bin Pehin Orang Kaya Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Ahmad
Setiausaha Tetap (Fiskal I), Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia Awang Azmilen bin Haji Ramlee
Pemangku Ketua Jabatan Audit Dalaman, Agensi Pelaburan Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Urus Setia

Yang Mulia Dr. Awang Muhammad Amirruddin bin Haji Abdullah
Juruaudit Dalaman Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Jawatankuasa Belanjawan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Pengerusi

Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani
Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal)

Timbalan Pengerusi

Yang Mulia Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman
Penolong Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Ahli-Ahli

Yang Mulia Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad
Setiausaha Tetap (Wawasan), Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Awang Haji Asrul Adrian bin Pehin Orang Kaya Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Ahmad
Setiausaha Tetap (Fiskal I) Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia Dayangku Sri Rohayani binti Pengiran Matarsat
Pemangku Pengarah Belanjawan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Urus Setia

Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak
Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan
selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yang Mulia Awang Abdullah @ Dollah bin Haji Ahad,
Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Korporat) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yang Mulia Dayang Siti Afshah binti Abu Bakar
Pegawai Kewangan Kanan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Setiausaha

Yang Mulia Ampuan Haji Saiful Rezal bin Ampuan Dato Paduka Haji Sabtu
Pegawai Kewangan (Belanjawan) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Lembaga Tadbir Pusat Pengajian Kesenian Dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Pengerusi

Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan
Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama

Timbalan Pengerusi

Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak
Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan
selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Ahli-Ahli

Yang Mulia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal
Rektor, Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Yang Mulia Dr. Haji Adanan bin Haji Besar
Ra'és, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Yang Mulia Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman
Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia Dayang Salinah binti Haji Mohd Salleh
Pemangku Pengarah Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Yang Mulia Dr. Haji Mohammad Hussain bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad
Pengarah Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Awang Zainal bin Arshad
Pengarah, Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Yang Mulia Dayang Nik Hafimi binti Abdul Hadii
APEC Business Advisory Council (ABAC) Brunei Chair and Executive Director of LVK Group of Companies

Setiausaha

Yang Mulia Awang Samsudin bin Haji Puasa
Pemangku Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Projek Khas)
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Urus Setia

**Yang Mulia Pegawai-Pegawai di Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam,
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah**

Lembaga Pengarah Wadah Amal Sendirian Berhad

Pengerusi

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu
Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri

Timbalan Pengerusi

Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani
Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal)

Ahli-Ahli

**Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad
bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa**
Peguam Negara, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman
Penolong Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia Dayangku Hajah Dewi Sarwani binti Pengiran Haji Sarpuddin
Pengurus Pelaburan Darussalam Assets Sendirian Berhad

Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak
Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan
selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Setiausaha Korporat

Yang Mulia Dayang Noor Zarina binti Haji Mohamed Salleh
Pegawai Pelaburan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Kandungan

20 Berita Perdana

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Bagi Menyaksikan Persembahan Dron Dan Bunga Api

Pelancaran Pengagihan Buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sempena Bulan Ramadan 1445 Hijrah / 2024 Masihi



30 Berita Utama

Mesyuarat Jemaah Tadbir Kali Pertama Bagi Tahun 2024

Doa Kesyukuran Sempena Hari Ulang Tahun Puja Usia Ke-50 Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Majlis Tahliil Di Kubah Makam Diraja Sempena Bulan Ramadan Majlis Khatam Al-Quran



38 Perutusan Tahniah Puja Usia

40 Perutusan Tahniah Pengantin Diraja

42 Rencana

Sejumlah 159 Ton Metrik Kurma 'Safawy' Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Diagihkan Kepada Seluruh Umat Islam Di Negara Brunei Darussalam Sempena Bulan Ramadan 1445 Hijrah / 2024 Masihi



48 Ihsan

Mengimarahkan Kegiatan Takmir Masjid Sepanjang Bulan Ramadan Kebajikan Mangsa Bencana Diberikan Perhatian Sewajarnya 'Medical Bank' Membekalkan Keperluan Pesakit Bagi Golongan Kurang Berkemampuan Seramai 12 Orang Bakal Usahawan Menerima Bantuan Modal Perniagaan



58 Berita

Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 : 'Bersatu Mencapai Cita Negara'

Perlawanan Paintball Sempena Pesta Sukan Badan Kebajikan Pekerja

62 Kegiatan PPKKI

Penandatanganan MOU Bersama Universiti Islam Sultan Sharif Ali Dan Islamic Museum of Australia Penganjuran Bengkel Seni Kaligrafi Menarik Minat Orang Ramai Galeri Pusat Pengajian Kesenian Dan Kaligrafi Islam Menjadi Destinasi Para Pelawat



71 Aktiviti Sekolah

Bahasa Arab Pupuk Generasi Muda Berilmu, Beriman 45 Pelajar PSR Sekolah Rendah YSHHB Diraikan 59 Pelajar Cemerlang Sekolah Menengah Diraikan

74 Promo

Wadah **وَأَمَّا**

PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B)
Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof

TIMBALAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH

Yang Berhormat Dato Setia Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar

AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH

PEMANGKU PENGARAH URUSAN

Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak

PENOLONG PENGARAH URUSAN

Yang Mulia Awang Abdullah @ Dollah bin Haji Ahad
(Perkhidmatan Korporat)

KETUA EDITOR

Yang Mulia Dayangku Azami binti Pengiran Haji Ahmad

EDITOR

Yang Mulia Awang Kasyfil Aziz bin Haji Jumat
Yang Mulia Awang Isaamuddin bin Mahsofidin
Yang Mulia Pengiran Shah Rizal bin Pengiran Haji Mohd Said
Yang Mulia Pengiran Siti Norkarimah binti Pengiran Anak Haji Hashim

PENERBIT

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

ATUR HURUF DAN REKA BENTUK

Nur Amalina binti Suhardy

PENCETAK

Borneo Printers & Trading Sdn Bhd

yshhb.org.bn

f Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

@ yshhb_official

Majalah ini mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan hadiths - hadiths
Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

Harap maklum.

Terus Melangkah Kehadapan dengan Tekad “Bersatu Mencapai Cita Negara”



Syukur kehadiran Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah rahmat dan izinNya, kita telah melangkah ke tahun baharu Masihi 2024 dalam suasana negara menikmati keamanan untuk mengizinkan kita semua membuat perancangan dengan teratur dan penuh bersedia. Semoga tahun 2024 memberikan ruang dan peluang terbuka kepada kita semua untuk terus mempertingkatkan usaha meraih kejayaan dan membuat perubahan-perubahan positif ke arah meningkatkan pembangunan sosioekonomi dan kesejahteraan masyarakat dan negara tercinta, Negara Brunei Darussalam.

Membuka tirai tahun 2024, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah mengadakan Mesyuarat Jemaah Tadbir Pertama bagi tahun 2024 (Kali ke-1/2024) iaitu pada 5 Syaaban 1445 bersamaan 15 Februari 2024. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah membincangkan perancangan sepanjang tahun 2024 dan menerima laporan pencapaian 2023.

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bertekad akan terus proaktif, kreatif dan adaptif dalam mempertingkatkan pelaksanaan projek dan program yang sedia ada serta seterusnya merencanakan projek dan program baharu yang lebih memberikan impak yang positif terhadap pembangunan sosio-ekonomi masyarakat kearah mencapai matlamat dan visinya bagi memperkasa “Masyarakat Mandiri” berpandukan Pelan Strategik Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah 2020-2025 seiring dengan pendekatan senegara yang mantap ‘Whole of Nation Approach’.

Tahun ini Negara Brunei Darussalam meraikan ulang tahun Hari Kebangsaan ke-40 tahun. Kita amat bersyukur, Negara Brunei Darussalam di bawah kepimpinan bijaksana lagi berdaulat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah menikmati 40 tahun kemerdekaan dalam suasana aman dan selamat. Kita juga menyaksikan Negara Brunei Darussalam telah mencapai pelbagai perubahan, pembangunan dan kejayaan dalam senario landskap politik yang stabil dan mantap, ekonomi yang kukuh dan corak kepimpinan yang cemerlang yang membolehkan seluruh rakyat dan penduduk mengecapi segala kemudahan dan menikmati kemajuan hidup.

Dalam kesempatan ini, kita sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan ke – 40 yang telah disambut pada 23 Februari 2024 yang lalu dengan mendokong tema “Bersatu Mencapai Cita Negara”.

Seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sentiasa berdoa kehadiran Allah Subhanahu wa Ta'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam raja yang adil dan berdaulat yang dikasihi rakyat akan sentiasa dalam kandungan sihat wal'afiat, bahagia, dilanjutkan usia, dan terus kekal qarar memerintah di atas takhta singgahsana Kerajaan dan memimpin Negara Brunei Darussalam dengan penuh kedaulatan, kemakmuran, kesejahteraan dengan limpah rahmat, taufik dan hidayah Allah Subhanahu wa Ta'ala. Begitu juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam dan Ahli-ahli Kerabat Diraja.

Seterusnya kita berdoa semoga Negara Brunei Darussalam yang dicintai sentiasa dikurniakan perlindungan dan pemeliharaan Allah Subhanahu wa Ta'ala, kekal menjadi sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat, Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur. Aamiin Ya Rabbal Alamiin.

BERSATU MENCAPAI CITA NEGARA

**Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri
Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II
selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Bagi Menyaksikan Persembahan Dron Dan Bunga Api





Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyaksikan persembahan dron dan bunga api telah menambahkan seri Acara Semarak Perdana Negara Brunei Darussalam: Persembahan Dron dan Bunga Api bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 yang berlangsung pada 29 Syaaban 1445 bersamaan 9 Mac 2024.

Turut berangkat sama, Paduka-Paduka Anakanda Baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Warna-warni pelbagai bentuk persembahan daripada 500 unit dron dan kerlipan bunga api selama setengah jam pada malam tersebut telah menghiasi ruang udara Bandar Seri Begawan.

Lebih bermakna dan istimewa apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bercemar duli bersama Paduka-Paduka Anakanda Baginda ke kawasan Yayasan Food Street untuk beramah mesra dan menerima junjung ziarah daripada ratusan para pengunjung. Kemesraan dan keramahan Baginda jelas kelihatan apabila rakyat dan penduduk mengambil kesempatan merakamkan kenangan indah bersama Baginda dan Paduka-Paduka Anakanda.




Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Paduka-Paduka Anakanda di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dijunjung oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang juga Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan yang juga Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



بين سلطان جابر
BIN SULTAN JABAR









Pelancaran Pengagihan Buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sempena Bulan Ramadan 1445 Hijrah / 2024 Masihi

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah berkenan berangkat bagi menyempurnakan Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan 1445 Hijrah / 2024 Masihi. Majlis tersebut diadakan pada 24 Syaaban 1445 bersamaan 5 Mac 2024, di Dewan An-Naura, Tingkat 2, Blok E, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menandakan bermulanya pengagihan buah kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di Negara Brunei Darussalam sebagai juadah berbuka puasa pada bulan Ramadan.



“ Dalam melaksanakan pengagihan kurma kurnia peribadi Paduka Ayahanda ini khususnya kepada mereka yang layak menerimanya, ciri-ciri seperti keikhlasan, komitmen dan kesabaran yang selama ini ditunjukkan oleh para pemimpin akar umbi termasuk ahli-ahli Majlis Perundingan adalah amat memberangsangkan dan dihargai.



MAJLIS PELANCARAN PENGAGIHAN KURMA KURNIA PERIBADI
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
SEMPENA BULAN RAMADHAN 1445H / 2024M

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia menyempurnakan Majlis tersebut mencerminkan keprihatinan yang mendalam dan berterusan ke atas usaha Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dalam menyempurnakan hajat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengurniakan amal sedekah secara khusus, iaitu kurnia peribadi Baginda berupa buah kurma sebagai juadah berbuka puasa sempena bulan Ramadan yang dilaksanakan pada setiap tahun.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik telah berkenan mengurniakan sabda di Majlis tersebut. Duli Yang Teramat Mulia merakamkan penghargaan kepada pengurusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan semua pihak yang terlibat atas keikhlasan, komitmen dan kesabaran mereka dalam mengurus pengagihan buah kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam dengan efisien dan sempurna. Duli Yang Teramat Mulia seterusnya melahirkan rasa gembira atas kerjasama semua pihak yang terlibat dalam mengendalikan pengagihan kurnia buah kurma sehingga dapat dinikmati oleh semua umat Islam di negara ini tanpa mengira peringkat umur dan taraf kerakyatan.

Di Majlis Pelancaran tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik telah menyempurnakan pengagihan buah kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada seluruh umat Islam di Negara Brunei Darussalam melalui wakil-wakil pasukan beruniform, orang awam, penjawat awam (sektor Kerajaan) dan pekerja swasta. Pasukan beruniform diwakili oleh Pemerintah-Pemerintah Tentera serta Komandan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pengarah-Pengarah Jabatan Pasukan Polis Diraja Brunei. Orang awam diwakili oleh Pegawai-Pegawai Daerah dari keempat-empat daerah. Penjawat awam dan pekerja sektor swasta diwakili oleh Pengarah-Pengarah Jabatan Pengurusan, Pentadbiran dan Tenaga Manusia.





Bagi proses pengagihan seterusnya, Pemerintah-Pemerintah dan Komandan-Komandan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei serta Pengarah-Pengarah Jabatan dan Pegawai-Pegawai Pemerintah Pasukan Polis Diraja Brunei akan mengagih-agihkan buah kurma kurnia peribadi ini kepada pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah jabatan dan unit masing-masing. Pegawai-Pegawai Daerah akan mengagih-agihkan buah kurma kurnia peribadi ini kepada semua Penghulu-Penghulu Mukim (yang memangku jawatan Ketua-Ketua Kampung) dan Ketua-Ketua Kampung dan seterusnya akan mengagih-agihkan buah kurma kurnia peribadi ini kepada anak-anak buah kampung di bawah jagaan mereka masing-masing. Begitu juga bagi penjawat awam dan pekerja sektor swasta, pengagihan adalah melalui kementerian, jabatan dan syarikat masing-masing.



Pada Ramadan tahun 1445 Hijrah, sejumlah 159 ton metrik buah kurma jenis 'Safawy' akan dibahagikan kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di seluruh negara. Setiap umat Islam yang menetap di negara ini tanpa mengira had umur dan taraf kerakyatan menerima kurnia satu kotak kecil kurma yang mengandungi 300 gram setiap seorang.

Pengurniaan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ini mencerminkan sikap pemeduliaan dan kasih Baginda. Seluruh rakyat dan penduduk di negara ini khususnya mereka yang beragama Islam menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia Baginda ini.





Mesyuarat Jemaah Tadbir Kali Pertama Bagi Tahun 2024



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah berkenan berangkat mempengerusikan Mesyuarat Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Kali Ke-1 bagi tahun 2024. Mesyuarat diadakan pada 5 Syaaban 1445 bersamaan 15 Februari 2024, di Bilik At-Taqwa, Tingkat 3,

Blok E, Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

Selaku Pengerusi Jemaah Tadbir, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik memberikan perhatian yang sangat mendalam terhadap kelangsungan pengurusan dan pentadbiran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Komitmen yang berterusan dan pandangan jauh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik menjadi panduan bagi semua ahli Lembaga Pengarah dan setiap peringkat pengurusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah untuk terus bergerak secara lebih fokus, efisien dan teratur serta terus kekal menjadi sebuah institusi berkeadilan yang unggul dan relevan dalam melaksanakan pelbagai program, projek dan aktiviti untuk meningkatkan dan pelbagai program, projek dan aktiviti untuk meningkatkan dan merangsang perkembangan sosioekonomi serta kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Antara agenda yang dibincangkan dalam Mesyuarat tersebut adalah Laporan Tahunan Kewangan bagi tahun 2023 dan Laporan Kemajuan Audit Dalaman Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah sehingga

tahun 2023; Laporan Sumbangan dan Bantuan sepanjang tahun 2023 dan seterusnya Perancangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi tahun 2024; dan Laporan Perkembangan Projek Khas iaitu Pengurusan Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi bulan Ramadan 1445/2024, Perkembangan Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Perkembangan Perumahan Kampung Bolkiah dan Perkembangan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Menurut Akta Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Penggali 166), Jemaah Tadbir bertanggungjawab bagi mengawasi pentadbiran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan memastikan perjalanan serta pelaksanaan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menepati dasar dan tujuan penubuhannya.



Jemaah Tadbir yang berangkat dan hadir di Mesyuarat Jemaah Tadbir Ke:1 / 2024 ialah Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, Yang Di-Pertua Adat Istiadat selaku Timbalan Pengerusi I; Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan selaku Timbalan Pengerusi II; Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Ahli Jemaah Tadbir; dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II selaku Ahli Jemaah Tadbir.




Mesyuarat juga dihadiri oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yusoff, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



Doa Kesyukuran Sempena Hari Ulang Tahun Puja Usia Ke-50

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota





Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah selaku Sekretariat Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim mengadakan Majlis Doa Kesyukuran Sempena Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang Ke-50 Tahun pada 9 Syaaban 1445 bersamaan 19 Februari 2024 di Dewan An-Naura, Tingkat 3, Blok E, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah berkenan berangkat ke Majlis tahunan tersebut.

Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA) adalah merupakan badan amal yang khusus memberikan bantuan dan pemeduliaan terhadap kebajikan dan kesejahteraan anak-anak yatim di Negara Brunei Darussalam. Penubuhan DANA adalah sebagai pesambah yang berkekalan yang berkekalan yang disembahkan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bersempena dan pada memperingati Pemasyhuran Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menjadi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota pada 17 Rabiulakhir 1419 bersamaan 10 Ogos 1998. DANA telah ditubuhkan pada 4 Jamadilawal 1429 bersamaan 25 Ogos 1998. Sumber kewangan bagi mengendalikan program bantuan DANA adalah daripada sumbangan ikhlas para dermawan termasuk agensi kerajaan dan swasta, syarikat-syarikat swasta, institusi pengajian, badan-badan amal dan orang persendirian.

Aturcara Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Sin beramai-ramai dan seterusnya bacaan doa kesyukuran sempena Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah yang Ke-50 Tahun yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Metassan bin Haji Tahir. Aturcara Majlis diikuti dengan Sembahyang Fardu Asar berjemaah.

Selain daripada ahli-ahli Jemaah dan ahli-ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah DANA serta para pegawai dan kakitangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, para penyumbang tetap kepada DANA juga dijemput hadir di Majlis tersebut.



Majlis Khatam Al-Quran Sempena Bulan Ramadan



Bulan Ramadan menjadi bulan yang sangat istimewa kerana padanya telah diturunkan kitab suci Al-Quran sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 185. Banyak amalan yang disunahkan oleh Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam untuk dilaksanakan sepanjang bulan Ramadan, antaranya mengakrabkan diri dengan Al-Quran iaitu dengan membaca, mengkhatamkan, dan merenungkan isi kandungannya.

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran sebagai salah satu aktiviti keagamaan yang diadakan pada setiap bulan Ramadan. Majlis Khatam Al-Quran sempena bulan Ramadan 1445 Hijrah / 2024 Masihi telah diadakan pada 14 Ramadan 1445 bersamaan 25 Mac 2024 di Dewan An-Naura, Tingkat 2, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah berkenan berangkat ke Majlis tersebut.

Majlis dimulakan dengan bacaan Takhtim Al-Quran dipimpin oleh Yang Mulia Ustaz Dr. Haji Samsul Muawan bin Haji Shodiq, Guru Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Seramai 30 orang pegawai dan kakitangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah menyertai pembacaan Al-Quran 30 juzuk.



Majlis diteruskan dengan Doa Khatam dan Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murad. Majlis selanjutnya diteruskan dengan majlis berbuka puasa dan Sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Ahli-Ahli Jemaah Tadbir dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Ahli-Ahli Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim; para jemputan, pegawai-pegawai dan kakitangan serta guru-guru Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.





Majlis Tahlil Di Kubah Makam Diraja Sempena Bulan Ramadan

Kelaziman setiap bulan Ramadan, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menganjurkan Majlis Tahlil khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Pada bulan Ramadan 1445 Hijrah, Majlis tersebut telah diadakan pada 7 Ramadan 1445 bersamaan 18 Mac 2024 di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji

Hassanal Bolkiah berkenan berangkat ke Majlis Tahlil tersebut.

Bacaan Surah Yaa Sin dan tahlil diketuai oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustafa bin Haji Murat.

Hampir 200 orang hadir di Majlis tersebut yang terdiri daripada Ahli-Ahli Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Ahli-Ahli Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim; pegawai-pegawai dan kakitangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Ahli-Ahli Alumni Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; pelajar-pelajar Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; sukarelawan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah serta penduduk Kampung Bolkiah 'A' dan Kampung Bolkiah 'B'.





*Merafa' Sembah Kesyukuran Dan Tahniah
Sempena Hari Ulang Tahun Puja Usia*

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Beribu Ampun,

Dengan penuh hormat dan takzim dan dengan perasaan tulus ikhlas,
Pengerusi dan Ahli-Ahli Jemaah Tadbir dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah serta segenap
lapisan Pengurusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menjunjung beribu ampun
merafa'kan sembah kesyukuran dan setinggi-tinggi tahniah Kehadapan Majlis
Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda
Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
sempena Hari Puja Usia yang ke Lima Puluh Tahun
pada 7 Syaaban 1445 bersamaan 17 Februari 2024.

Semoga Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda
Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sentiasa berada dalam
keadaan sihat wal'afiat dan dilanjutkan usia serta mendapat limpah rahmat, taufik dan
hidayah daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala,
Aamiin, Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

دُعَاءُ قُوَّجَا أَوْسِيَا

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اللَّهُمَّ يَا عَلِيُّ يَا عَظِيمُ يَا عَلِيمُ يَا خَيْرُ.
أَكْرَمُ دُولِي يَغْتَرَأْتُ مَلِيَا قَادِكِ سِرِي قَغِيرَانِ مودا مهكوت
قَغِيرَانِ مودا حاج المهتدي بالله.
وَأَرْحَمُهُ بِالصِّحَّةِ وَالْعَافِيَةِ وَبَارِكْ لَهُ بِالنَّشَاطِ لِمَسَا عَدَّةِ وَالِدِهِ
كباوه دُولِي يَغْمَهَا مَلِيَا قَادِكِ سِرِي بَكُنْدَا
سَلْطَانِ حَاجِ حَسَنِ الْبَلْقِيَةِ مَعز الدين والدولة
فِي إِنهَاضِ الْبِلَادِ وَالْأُمَّةِ. وَأَجْعَلِ الْأَعْوَامَ الْمُقْبِلَةَ
مِنْ أَعْمَارِهِ دَائِرَةً عَلَيْهَا بِالثَّبَاتِ عَلَى دِينِكَ.
وَالْإِقْبَالَ عَلَى خِدْمَتِكَ. وَأَحْفَظْهُ مِنْ شَرِّ الْأَشْرَارِ طَوَالَ عُمْرِهِ
بِجَلَالِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

“Ya Allah! Tuhan yang mempunyai ketinggian dan kebesaran yang tiada bandingnya, Yang Maha Mengetahui Lagi Yang Maha Berkebolehan, kami pohonkan Ya Allah supaya Tuhan kami kurniakan kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah kemuliaan dan rahmat, sihat serta afiat dan berkatilah Duli Yang Teramat Mulia itu pada membantu ayahandanya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan kecergasan dalam membangunkan negara dan umat. Lanjutkanlah usia Duli Yang Teramat Mulia dengan menjadikan tahun-tahun mendatang usianya tetap lagi mantap pada landasan ajaranMu Ya Allah, dan peliharalah Duli Yang Teramat Mulia itu sepanjang hayatnya daripada angkara orang-orang jahat. Semuanya kami pohonkan dengan berkat kebesaran dan kemuliaanMu jua Ya Allah”.



Merafa' Sembah Kesyukuran Dan Tahniah

Istiadat Perkahwinan Diraja

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
D.K.M.B., D.P.K.T., P.H.B.S.

dengan

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam

Beribu Ampun,

Dengan penuh hormat dan takzim dan dengan perasaan tulus ikhlas, Pengerusi dan Ahli-Ahli Jemaah Tadbir, Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah serta segenap lapisan Pengurusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menjunjung beribu ampun merafa'kan sembah kesyukuran dan setinggi-tinggi tahniah Kehadapan Majlis

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam, sempena Istiadat Perkahwinan Diraja yang berlangsung pada 2 Rejab 1445 bersamaan 14 Januari 2024.

Semoga Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam akan sentiasa berada dalam keadaan sihat wal'afiat dan dilanjutkan usia serta mendapat limpah rahmat, taufik dan hidayah Allah Subhanahu wa Ta'ala, serta seterusnya menjalani kehidupan berumahtangga yang bahagia, penuh kasih sayang dan aman sejahtera selamanya serta seterusnya dikurniakan zuriat yang soleh.
Aamiin, Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

إِسْتِعْلَاةُ قُرَيْشٍ بِنْتِ دِرَاجٍ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

يا الله بركايله كدواققين دراج

دولي يقرامة مليا فادك سري فقيران مودا عبدالمتين

ابن بكاوه دولي يغمها مليا فادك سري بكندا

سلطان حاج حسن البلقية معزالدين والدولة

دي. كي. عيم. بي. دي. في. كيه. تي. في. ايج. بي. ايس

دغن يغا امة مليا فقيران انق استري انيشاروسنه بنت ادم

تربيتكنله انتارا كدوان كاسيه ساينغ دان بريكنله فتونجوق كقد كدوان

جالز يغلوروس دان تقوى دان بريكنله كدوان زرقى كتورونز يغل بايك دان صالح

بالله ليمقهكنله كقد كدوان نعمة دان قرلواسكنله زرقى مريك دان قليهاراله

مريك درقد سكل يثوداي دان جاوهمكنله كدوان درقد اخلاق يغل بيدق بايك.

أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ



Sejumlah 159 Ton Metrik Kurma 'Safawy' Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Diagihkan Kepada Seluruh Umat Islam di Negara Brunei Darussalam Sempena Bulan Ramadan 1445 Hijrah / 2024 Masihi

Sempena bulan Ramadan 1445 Hijrah / 2024 Masihi, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan kerjasama padu daripada beberapa pihak berkepentingan telah mengendalikan pengagihan sejumlah 159 ton metrik buah kurma jenis 'Safawy', kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di seluruh negara. Setiap umat Islam yang menetap di negara ini tanpa mengira had umur dan taraf kerakyatan akan menerima kurnia buah kurma mereka iaitu satu kotak kecil kurma yang mengandungi 300 gram untuk setiap seorang.

PEMBEKALAN BUAH KURMA

Kurma jenis Safawi sebanyak 159 ton metrik dibekal dari Syarikat Al Mohamadia Dates, iaitu syarikat pembekal di Riyadh, Arab Saudi.

Pada tahun ini, buat pertama kalinya proses penghantaran kurma adalah melalui Pelabuhan Dammam, Arab Saudi, berikutan krisis yang sedang berlangsung di Laut Merah dan mengakibatkan Pelabuhan Jeddah terkesan bagi sebarang penghantaran melalui Laut Merah. Penghantaran kurma menggunakan kapal laut dengan dua kali pelayaran yang membawa keseluruhan 11 unit kontena berhawa dingin.





PELANCARAN PENGAGIHAN BUAH KURMA

Pengendalian pengagihan buah kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi bulan Ramadhan 1445 Hijrah / 2024 Masihi kepada seluruh umat Islam di seluruh negara bermula dengan Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadhan 1445 Hijrah / 2024 Masihi pada 24 Syaaban 1445 bersamaan 5 Mac 2024. Setelah sempurna Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia, pengagihan buah kurma kurnia peribadi kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam mula dilaksanakan mengikut kategori penduduk.



TATACARA PENGAGIHAN BUAH KURMA

Pengagihan buah kurma kepada setiap umat Islam di seluruh negara dilaksanakan mengikut kategori penduduk bagi memastikan pengendalian pengagihan dijalankan dengan teratur dan lancar, iaitu :



Orang ramai termasuk warga asing - melalui ketua-ketua kampung masing-masing



Penjawat awam - melalui kementerian dan jabatan masing-masing



Pegawai dan kakitangan syarikat swasta yang berdaftar - melalui syarikat masing-masing

PENGHARGAAN ATAS KERJASAMA DAN SOKONGAN PADU SEMUA PIHAK

Tahun 2024 merupakan tahun Ke-29 Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah diamanahkan mengendalikan pengagihan kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia iaitu sejak mula dilaksanakan pada tahun 1995.

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah sangat berbesar hati atas sokongan dan kerjasama padu daripada semua pihak yang berterusan yang setentunya membantu melancarkan urusan pengendalian pengagihan buah kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada setiap tahun. Melalui sokongan padu dan kerjasama tersebut, seluruh umat Islam di negara ini telah dapat menikmati buah kurma kurnia sebagai juadah berbuka puasa di bulan Ramadan.



D



Pegawai-pegawai dan kakitangan Pasukan Polis Diraja Brunei - melalui jabatan dan unit masing-masing

E



Pegawai-pegawai dan kakitangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei - melalui jabatan masing-masing



JUNJUNG KASIH ATAS KURNIA PERIBADI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

Sangat istimewa buah kurma adalah merupakan kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Kurnia yang memang dinanti-nantikan oleh seluruh umat Islam di Negara Brunei Darussalam pada setiap menjelang bulan Ramadan sebagai juadah berbuka puasa.



“ Menjunjung kasih

Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas **kurnia peribadi Baginda untuk dinikmati sebagai juadah di bulan Ramadan nanti.**

Awang Zaini bin Haji Salleh
(Ketua Kampung Pulau Baru-Baru)



“ Sukacita menjunjung kasih

Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana **mengurniakan kurma pada bulan Ramadan setiap tahun.** Dengan **kurnia ini**, dapatlah kita **menikmati makanan sunnah, untuk bersungai pada bulan Ramadan nanti.**

Awang Haji Mohd Hazwan bin Abdullah
(Wakil Persatuan Saudara Baru Nurul Islam)

“ Dengan kurnia peribadi ini dapatlah kita menikmati buah kurma yang bermutu

dan menikmatinya tanpa ada rasa ragu-ragu.

Mejar (B) Jumaat bin Mail



“ Menjunjung kasih

Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas **keprihatinan Baginda kepada seluruh rakyat dengan mengurniakan buah kurma** sebagai kurnia peribadi Baginda yang memang dinanti-nantikan semua.

Pengiran Sulaiman bin Pengiran Haji Matali
(Wakil UNN)



“ Alhamdulillah, buah kurma kurnia peribadi
Kebawah Duli Yang Maha Mulia **memang dinanti-nantikan**
apabila menjelang Ramadan untuk **dijadikan juadah dan**
hidangan yang istimewa berbuka puasa.

Awang Haji Rosli bin Haji Karim

“ Kami sebagai warga asing dari Nazmi Textile Mall
menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli
Baginda Sultan **kerana tidak tertinggal untuk**
menikmati kurma kurnia peribadi Baginda.

Wakil Nazmi Textile Mall



“ **Menjunjung kasih** Kehadapan Majlis
Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas **kurma kurnia**
peribadi Baginda untuk kami sekeluarga.

Ros (Wakil FORD)



“ Kami dari Restoran Bakso Sensasi
menjunjung kasih Kehadapan Majlis
Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas
kurma kurnia peribadi Baginda
dan merasa senang sekali dengan
sikap baginda yang **sangat prihatin** kepada
rakyat dan penduduk di negara ini.

Wakil Restoran Bakso Sensasi



Mengimarahkan Kegiatan Takmir Masjid Sepanjang Bulan Ramadan



Selaras dengan objektif dalam Bidang Ugama iaitu bagi meningkatkan dan mengembangkan syiar agama Islam, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah secara berterusan memberikan sokongan kepada masjid, surau dan balai ibadat bagi menjalankan pelbagai kegiatan takmir sesuai dengan peranan masjid, surau dan balai ibadat sebagai pusat bagi pelbagai kegiatan keagamaan.

Kelaziman apabila menjelang bulan Ramadan, setiap masjid, surau dan balai-ibadat akan mengatur pelbagai aktiviti takmir bagi meraih keberkatan bulan yang penuh rahmat yang menjanjikan pahala berlipat ganda. Dalam usaha menyokong inisiatif tersebut, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah memberikan sumbangan kewangan yang keseluruhannya berjumlah BND78,500.00 kepada 73 buah masjid, surau dan balai-ibadat di seluruh negara bagi mengimarahkan kegiatan takmir sepanjang bulan Ramadan 1445 Hijrah.

Sumbangan tersebut telah diserahkan kepada imam-imam dan pegawai-pegawai masjid berkenaan di Majlis Penyampaian Sumbangan Kewangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 16 Syaaban 1445 bersamaan 26 Februari 2024 di Dewan An-Naura, Tingkat 2, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.



Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menyampaikan sumbangan kepada imam-imam dan pegawai-pegawai masjid bagi Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Tutong.



Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menyampaikan sumbangan kepada imam-imam dan pegawai-pegawai masjid bagi Daerah Belait dan Daerah Temburong.





Seramai 12 Orang Bakal Usahawan Menerima Bantuan Modal Perniagaan

Seramai 12 orang bakal 'Usahawan Bakarih Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah' telah dipertimbangkan bagi menerima bantuan modal perniagaan di bawah Skim Pembiayaan Kebajikan bagi kumpulan pertama tahun 2024.

Skim Pembiayaan Kebajikan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SPK YSHHB) merupakan bantuan pengupayaan diri khusus bagi golongan yang kurang berkemampuan melalui pemberian bantuan modal bagi menjalankan perusahaan atau perniagaan. Pelaksanaan SPK YSHHB adalah sejajar dengan salah satu daripada 4 matlamat strategik Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah iaitu bagi Mendukung Pencapaian Taraf Dara Diri.

Sebelum dipertimbangkan untuk menerima

modal perusahaan atau perniagaan di bawah SPK YSHHB, mereka telah diwajibkan untuk menjalani beberapa program latihan iaitu 'bespoke programme' atau program direncana khas menjurus kepada kemahiran dan pengetahuan asas bidang keusahawanan yang dikendalikan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bersama rakan strategik LiveWIRE Brunei.

Satu majlis penandatanganan perjanjian di antara Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bersama dengan 12 orang bakal 'Usahawan Bakarih Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah' tersebut telah diadakan pada 7 Rejab 1445 bersamaan 19 Januari 2024 di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks bangunan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Bentuk modal yang diterima melalui SPK

YSHHB adalah mengikut kriteria dan kesesuaian berpandukan pelan perniagaan atau perusahaan yang telah dihadapkan oleh pemohon seperti kewangan, bahan mentah, barang keperluan dan peralatan dan sebagainya.

Sokongan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah terhadap penerima bantuan modal SPK YSHHB bukan terhad kepada bantuan modal perniagaan dan bengkel keusahawanan. Mereka terus dipantau dan dibantu agar dapat berkembang dan bersaing dalam dunia perniagaan. Mereka juga diberikan galakan untuk menyertai aktiviti jualan sama ada anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah mahu pun anjuran agensi lain bagi mengukuhkan portfolio perniagaan dan meluaskan rangkaian pasaran produk mereka.

Penyertaan Jualan Usahawan Bakarih SPK

Aktiviti jualan Bakarih.com di Plaza Tengah, Kompleks Bangunan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah anjuran Syarikat Wadah Amal Sendirian Berhad, anak syarikat Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Seramai 15 orang Usahawan Bakarih Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah menyertai aktiviti jualan tersebut yang berlangsung pada 4 Januari 2024 hingga 7 Januari 2024 dan pada 12 Januari 2024 sehingga bersamaan 14 Januari 2024.

Promosi jualan sempena Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara Tahun 1445 Hijrah anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Seramai 3 orang Usahawan Bakarih Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menyertai promosi jualan tersebut yang berlangsung pada 27 Rejab 1445 bersamaan 8 Februari 2024.



Kebajikan Mangsa Bencana Diberikan Perhatian Sewajarnya

Sejajar dengan salah satu daripada 4 matlamat strategik Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah iaitu Mengimbangi Pemedulian Keperluan Asasi, Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah sentiasa memberikan perhatian terhadap kebajikan dan kesejahteraan mangsa bencana seperti mangsa bencana akibat kebakaran rumah dan rumah roboh.

Dalam suasana kepayahan menghadapi musibah kehilangan dan kerosakan harta benda dan tempat tinggal, Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah tampil dengan segera menghulurkan bantuan bagi meringankan bebanan mereka untuk kembali menjalani kehidupan seharian.

Sebanyak 21 buah keluarga yang terlibat dalam bencana kebakaran rumah dan rumah roboh di seluruh negara sepanjang bulan Januari hingga bulan Mac 2024 telah menerima bantuan kewangan daripada Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah. Penyampaian sumbangan kewangan tersebut telah disampaikan dalam beberapa majlis yang berasingan.

Kebakaran Sebuah Rumah di Kampung Bolkiah 'A'

Pada 21 Jamadilakhir 1445 bersamaan 3 Januari 2024, Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah menyampaikan sumbangan kewangan kepada 6 buah keluarga yang terlibat di dalam kejadian kebakaran rumah di Kampung Bolkiah 'A'. Sumbangan Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah telah disampaikan oleh Yang Mulia Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah. Di Majlis yang sama, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan turut menyampaikan sumbangan yang disempurnakan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Terdahulu sebelum itu, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah berserta Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Ahli Lembaga Pengarah telah membuat lawatan kerja ke kawasan kebakaran pada hari kejadian iaitu pada 18 Jamadilakhir 1445 bersamaan 31 Disember 2023 bersama wakil daripada agensi-agensi yang berkepentingan. Bencana kebakaran tersebut telah meranapkan keseluruhan rumah dan telah mengorbankan satu jiwa.

Sebahagian keluarga yang terlibat telah ditempatkan secara sementara di rumah transit Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah di Kampung Bolkiah 'A' dan sebahagian yang lain ditempatkan di Flat Penempatan Sementara Kampung Belimbing Subok di bawah kawalan JAPEM.





Bencana Kebakaran Rumah Dan Rumah Roboh

Pada 20 Rejab 1445 bersamaan 1 Februari 2024, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah menyampaikan sumbangan kewangan kepada 9 buah keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran rumah di beberapa buah kampung di seluruh negara termasuk sebuah keluarga yang terlibat dalam bencana rumah roboh di Kampong Ayer. Kesemua sumbangan daripada Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Ahli Lembaga Pengarah dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-Bantuan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah semasa Majlis Penyampaian Sumbangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Ibu Pejabat Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Perdana Menteri.

Sementara itu, sebanyak tiga buah keluarga yang terlibat dalam kebakaran sebuah berek di Kampung Serusop, Jalan Berakas dan dua buah keluarga yang terlibat dalam insiden rumah roboh di Kampung Simbatang, Daerah Temburong juga telah menerima sumbangan kewangan daripada Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Ahli Lembaga Pengarah di Majlis Penyampaian Sumbangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Dewan An-Naura, Tingkat 2, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan pada 16 Syaaban 1445 bersamaan 26 Februari 2024.





'Medical Bank' Membekalkan Keperluan Pesakit bagi Golongan Kurang Berkemampuan

Menyedari bahawa biaya bagi menyediakan keperluan dan peralatan pesakit semasa menjalani rawatan memerlukan belanja yang agak besar, namun para pesakit perlu berusaha meneruskan rawatan untuk sembuh dan menjalani kehidupan seperti biasa. Menyediakan biaya bagi keperluan tersebut merupakan suatu cabaran yang sukar dan sulit untuk dihadapi lebih-lebih lagi bagi pesakit dari golongan yang kurang berkemampuan.

Sejajar dengan salah satu daripada 4 matlamat strategik Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah iaitu Mengimbangi Pemedulian Keperluan Asasi, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah tampil memberikan perhatian dengan memberikan bantuan dalam pelbagai bentuk keperluan dan peralatan pesakit mengikut keperluan masing-masing. Bantuan tersebut adalah seperti kerusi roda, katil dan tilam khas, lampin pakai buang, susu formula dan sebagainya.

Menubuhkan *'Medical Bank'* merupakan antara usaha untuk memudahkan pembekalan dan mempercepatkan penghantaran bantuan keperluan kepada pesakit yang memerlukan. Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah menandatangani Memorandum Perjanjian *'Medical Bank'* bersama Jaya Hypermart Department Store iaitu sebuah syarikat yang telah ditawarkan untuk membekalkan keperluan dan peralatan pesakit dari golongan yang kurang berkemampuan untuk tempoh dua tahun iaitu bagi tahun 2024 hingga 2026.

Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian bagi pembekalan *'Medical Bank'* bagi tahun 2024-2026 di antara Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan Jaya Hypermart Department Store diadakan pada 6 Syaaban 1445 bersamaan 16 Februari 2024, di Ibu Pejabat Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Perdana Menteri.

Menandatangani bagi pihak Yayasan ialah Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Manakala Jaya Hypermart Department Store pula diwakili Yang Mulia Dayang Rosmahwati binti Haji Buntar, Pengarah Pengurusan syarikat berkenaan.







Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 'Bersatu Mencapai Cita Negara'

Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, seluruh warga kerja Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menzahirkan taat setia yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kepimpinan bijaksana lagi berdaulat, menjadikan Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam keadaan aman, makmur dan sejahtera.

Acara kemuncak Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 telah berlangsung pada 14 Syaaban 1445 bersamaan 24 Februari 2024 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas yang disertai lebih 25 ribu orang peserta dalam Acara Perbarisan dan Persembahan Padang.

Seramai 80 orang warga kerja Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah ikut serta bersama-sama 25 ribu orang peserta dalam Upacara Perhimpunan Agung tersebut dengan semangat perpaduan dan patriotisme yang tinggi terhadap raja, bangsa dan negara. Penyertaan warga kerja Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah adalah pada Acara Perbarisan dalam Kumpulan 'B' bersama Sektor Pendidikan, Persatuan dan Syarikat Swasta.

Bersama mendukung tema sambutan 'Bersatu Mencapai Cita Negara', Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah berikrar untuk terus menanai dan menggembelng usaha bersama-sama dengan pelbagai sektor yang berkepentingan dalam pembangunan negara bagi memastikan matlamat Wawasan Brunei 2035 tercapai dan menjadikan Negara Brunei Darussalam tetap kekal menjadi sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat.





برساتو
مىخافى
قار

BERSATU
MENCAPAI
CITA NEGARA

MENYAMBUT

40

TAHUN

*Hari
Kebangsaan*

TAHNIAH DAN UCAP SELAMAT

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam dan Rakyat Negara Brunei Darussalam dalam menyambut
Ulang Tahun Keempat Puluh Hari Kebangsaan pada 23 Februari 2024



Pengerusi dan Ahli-Ahli Jemaah Tadbir
Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah
dan semua Pegawai dan Kakitangan
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Perlawanan Paintball Sempena Pesta Sukan Badan Kebajikan Pekerja

Pesta Sukan Badan Kebajikan Pekerja Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bertujuan bagi mengasah potensi pekerja dalam pelbagai acara sukan di samping mengeratkan hubungan silaturahim dan memupuk sikap setia kawan dalam pasukan melalui aktiviti fizikal yang sihat. Pesta Sukan menyaksikan perlawanan di antara warga kerja Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang dibahagikan kepada 4 buah rumah iaitu Sinopharm, AstraZeneca, Moderna dan Pfizer.

Beberapa perlawanan telah diadakan pada tahun lepas seperti Futsal, Netball, Bowling dan Badminton. Kesenambungan daripada pesta sukan tersebut ialah perlawanan Paintball yang berlangsung pada 25 Jamadilakhir 1445 bersamaan 7 Januari 2024, di Royal Brunei Technical Services Paintball Arena, Jerudong. Rumah Astra Zeneca menjuarai perlawanan tersebut manakala Rumah Sinopharm mendapat tempat kedua dan diikuti dengan Rumah Moderna di tempat ketiga.

Acara kemuncak pesta sukan adalah acara Sukan Ria yang akan dirancang diadakan pada tahun ini.



Penandatanganan MOU Bersama Universiti Islam Sultan Sharif Ali Dan Islamic Museum Of Australia



Penandatanganan bagi pihak PPKKI-YSHHB dilakukan oleh Yang Mulia Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan juga Timbalan Pengerusi Lembaga Tadbir PPKKI-YSHHB. Manakala penandatanganan bagi pihak UNISSA dilakukan oleh Yang Mulia Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA.

MOU Bersama Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Salah satu objektif penubuhan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam – Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) adalah bagi melahirkan belia-belia Islam di Negara Brunei Darussalam yang dapat menguasai ilmu seni Islam melalui pelbagai program dan bengkel kemahiran. Objektif tersebut adalah sejajar dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Ke arah pelaksanaan objektif tersebut, PPKKI-YSHHB telah menjalin hubungan persefahaman dan kerjasama dengan beberapa institusi yang menawarkan bidang kesenian Islam sama ada di luar mahu pun di dalam negara.

Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MOU) adalah merupakan antara inisiatif PPKKI-YSHHB bagi memperkasa dan memantapkan keupayaan PPKKI-YSHHB di dalam bidang pengajian penulisan khat dan kesenian Islam, penyelidikan dan penyebaran selaras dengan peranan PPKKI-YSHHB.



MOU Bersama Islamic Museum of Australia

Pada 30 Jamadilakhir 1445 bersamaan 12 Januari 2024, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam – Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) telah mengadakan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MOU) bersama Islamic Museum of Australia (IMA) secara maya dengan menggunakan mekanisme platform Zoom.

Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MOU) bertujuan untuk memupuk perkongsian dua hala dalam aktiviti latihan kaligrafi Islam dan seni serta bagi meneroka peluang kerjasama dalam bidang promosi dan penyebaran maklumat. Kedua belah pihak pada dasarnya bersetuju untuk menyumbang faedah ke arah merealisasikan fungsi dan objektif penubuhan institusi masing-masing dalam bidang pengajian dan latihan seni khat Islam dan yang berkaitan dengannya.



Penandatanganan bagi pihak PPKKI-YSHHB dilakukan oleh Yang Mulia Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan juga Timbalan Pengerusi Lembaga Tadbir PPKKI-YSHHB. Manakala penandatanganan bagi pihak IMA dilakukan oleh Yang Mulia Dayang Mei Nee Cheong, General Manager Islamic Museum of Australia.

Hadir bagi menyaksikan penandatanganan MOU tersebut ialah Tuan Yang Terutama Luke Arnold, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam.





Penganjuran Bengkel Seni Kaligrafi Menarik Minat Orang Ramai

Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (PPKKI-YSHHB) dari semasa ke semasa menawarkan pelbagai bentuk bengkel dalam bidang karya seni khat yang terbuka bagi penyertaan orang ramai.



Bengkel Seni Khat Secara Berjadual

PPKKI-YSHHB menawarkan khidmat bengkel penulisan seni khat yang dibukakan bagi penyertaan orang ramai. Bengkel diadakan pada setiap hari Jumaat sepanjang tahun (tertakluk kepada jadual yang telah ditetapkan). Beberapa jenis dan teknik penulisan seni khat dari peringkat asas hingga lanjutan diajarkan dalam bengkel tersebut seperti Seni Khat Nasakh, Seni Khat Diwani Jali dan Seni Khat Tsuluts. Tenaga pengajar yang mengendalikan bengkel terdiri daripada Khattat (penulis khat) PPKKI-YSHHB. Bengkel tersebut telah mendapat sambutan baik dan menerima penyertaan daripada orang ramai dari pelbagai peringkat umur.



Satu Majlis Penyampaian Sijil Bengkel Seni Khat telah diadakan pada 7 Rejab 1445 bersamaan 19 Januari 2024 bertempat di Dewan Al-Ma'rifah, PPKKI-YSHHB, Rumah Semaun, Jalan Jerembak. Seramai 22 orang peserta yang telah ikut serta dalam Bengkel Seni Khat Asas dan Lanjutan pada akhir tahun 2023 menerima sijil mereka yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Samsudin bin Haji Puasa, Pemangku Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Projek Khas) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Bengkel Seni Khat Dengan Kerjasama Kedutaan Republik Turkiye

PPKKI-YSHHB dengan kerjasama Kedutaan Republik Turkiye telah mengadakan Bengkel Seni Khat Asas Riq'ah dan penyertaannya adalah terbuka kepada orang ramai.

Bengkel diadakan pada setiap hari Selasa selama 7 bulan bermula pada 4 Rejab 1445 bersamaan 16 Januari 2024 di Dewan Al-Ma'rifah, Rumah Semaun, Jalan Jerembak. Seramai 18 peserta menyertai bengkel tersebut yang disampaikan oleh Yang Mulia Dayang Lale Ersoy, Penyelaras dari Institut Yunus Emre, Republik Turkiye di Negara Brunei Darussalam.





Bengkel Semasa Bulan Ramadan

PPKKI-YSHHB telah menerima undangan bagi mengendalikan bengkel kaligrafi sebagai program menyemarakkan bulan Ramadan yang penuh keberkatan.

Pada 28 Syaaban 1445 bersamaan 9 Mac 2024, Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkihah (TASKA) melalui Program Marhaban Ya Ramadan telah mengundang khattat dari PPKKI-YSHHB bagi mengendalikan bengkel asas kaligrafi khusus bagi kanak-kanak TASKA. Bengkel bertujuan mendedahkan seni tulisan kaligrafi pada peringkat kanak-kanak selaras dengan kurikulum TASKA yang menitikberatkan falsafah Melayu Islam Beraja.

Pada 14 Ramadan 1445 bersamaan 25 Mac 2024, Surau Lapangan Terbang Antarabangsa telah mengundang khattat dari PPKKI-YSHHB bagi mengendalikan bengkel asas kaligrafi khusus bagi para jemaah dan ahli takmir surau berkenaan iaitu sebagai salah satu daripada program takmir sepanjang bulan Ramadan.



Galeri Pusat Pengajian Kesenian Dan Kaligrafi Islam Menjadi Destinasi Para Pelawat

Terletak di Rumah Semaun yang mempunyai seni bina bangunan yang unik dan menarik, Galeri Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) mempamerkan karya-karya kaligrafi dan produk hiasan Islam tempatan dan antarabangsa. Galeri tersebut juga memaparkan sejarah perkembangan tulisan jawi dan kaligrafi Islam merentas zaman pemerintahan sultan-sultan di Negara Brunei Darussalam.

Selain ruang galeri, PPKKI-YSHHB juga menyediakan aktiviti penulisan seni khat yang boleh disertai oleh para pengunjung yang menjadi tarikan dan memberikan pengalaman menarik kepada para pengunjung. Beberapa kemudahan juga disediakan seperti kedai cenderamata dan kafe.

Sepanjang tiga bulan pertama tahun 2024, Galeri PPKKI telah menerima kunjungan pelawat dari dalam dan luar negara yang terdiri daripada golongan orang kenamaan hinggalah para pelajar.

Antara pengunjung istimewa ialah Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam, Presiden Singapura dan isteri, Mrs. Jane Ittogi Shanmugaratnam yang membuat lawatan pada 14 Rejab 1445 bersamaan 26 Januari 2024. Tuan Yang Terutama dan isteri yang dalam rangka Lawatan Negara ke Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Ke-40 hubungan diplomatik Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam telah memilih Galeri PPKKI-YSHHB sebagai salah satu destinasi dalam jadual lawatan negara tersebut. Sepanjang lawatan Tuan Yang Terutama dan isteri menunjukkan minat yang mendalam terhadap kehalusan karya kaligrafi dan produk hiasan Islam yang dipamerkan.



Kunjungan Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam dan isteri dialu-alukan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan isteri; Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan isteri; dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Menteri Pengiring dan isteri.



Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam menulis huruf jawi 'Sin' dalam perkataan "Special Relationships" sebagai momento sempena kunjungan Tuan Yang Terutama ke Galeri PPKI-YSHHB



Selain itu PPKKI-YSHHB juga mencatatkan beberapa pengunjung yang membuat lawatan pada tiga bulan pertama tahun 2024, antaranya adalah:

Januari

12 Rejab 1445 bersamaan 24 Januari 2024 – Yang Mulia Major General Nattapol Saengchan, Pemangku Pengarah Perisikan Bersama, Direktorat Perisikan Bersama, Angkatan Tentera Diraja Thailand, Kerajaan Thailand berserta seramai 16 orang rombongan. Mereka berada di Negara Brunei Darussalam sempena Mesyuarat Pertukaran Perisikan Dua Hala (INTELEX) Kali Ke-9.



Februari

- 21 Rejab 1445 bersamaan 2 Februari 2024 – Rombongan seramai 5 orang pegawai dari The Curious Playground.
- 19 Syaaban 1445 bersamaan 29 Februari 2024 – Lawatan sambil belajar daripada 6 orang pelajar Universiti Brunei Darussalam dan 9 orang pelajar dari Osaka University, Jepun yang mengikut Program Global Discovery anjuran Universiti Brunei Darussalam.



Mac

- 25 Syaaban 1445 bersamaan 6 Mac 2024 – Lawatan sambil belajar daripada 43 orang pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), iaitu dari Fakulti Syariah dan Fakulti Pertanian.
- 2 Ramadan 1445 bersamaan 13 Mac 2024 – Lawatan sambil belajar daripada 64 orang pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), iaitu dari Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Fakulti Bahasa Arab dan Fakulti Usuluddin.
- 10 Ramadan 1445 bersamaan 21 Mac 2024 – Lawatan sambil belajar daripada 6 orang pelajar Universiti Brunei Darussalam dan 13 orang pelajar dari University of South Australia yang mengikut Program Global Discovery anjuran Universiti Brunei Darussalam.
- 11 Ramadan 1445 bersamaan 22 Mac 2024 – Lawatan sambil belajar daripada 48 orang pelajar dari Sekolah Sukan.



Bahasa Arab Pupuk Generasi Muda Berilmu, Beriman



Pendidikan bahasa Arab pada usia awal kanak-kanak di Taman Asuhan Kanak-kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB) bukan sekadar memperkaya kemampuan linguistik, tetapi juga membina asas keimanan yang kukuh dengan memperkuatkan hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala dan membangun asas beragama yang kukuh.

Menariknya, TASKA YSHHB telah mengambil langkah progresif dengan memperkenalkan bahasa Arab dalam kurikulumnya sejak tahun 1998. Ini merupakan usaha yang berterusan untuk memastikan bahawa kanak-kanak mendapat asas yang kuat dalam bahasa yang akan menjadi kunci bagi pengajian mereka pada masa depan.

Berkolaborasi dengan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), TASKA YSHHB telah mengadakan aktiviti "Marhaban Ya Ramadan: Memartabatkan Bahasa Arab" pada 28 Syaaban 1445 bersamaan 9 Mac 2024 di Dewan TASKA.

Tambahan pula, kegiatan itu bukan hanya bertujuan untuk membudayakan bertutur bahasa Arab dalam kalangan kanak-kanak, tetapi juga untuk meningkatkan minat mereka dalam mempelajari bahasa tersebut melalui pengajaran yang inovatif dan menarik. Ini adalah langkah penting dalam menyokong bulan ini sebagai bulan bahasa Arab dan menyemarakkan lagi sambutan Ramadan yang akan datang.

Apa yang cukup menarik juga dalam pengisian aktiviti berkenaan adalah penerangan ringkas mengenai kegiatan pendidikan bahasa Arab, aktiviti menonton klip video dalam bahasa Arab dan juga aktiviti menyanyikan lagu bahasa Arab.

Di samping itu, aktiviti berkenaan turut dimeriahkan dengan persembahan nasyid daripada murid-murid Taman Asuhan 3 bertajuk *Allahu Kahfi*, selain diisi dengan aktiviti praktikal pertuturan asas bahasa Arab yang betul.





45 Pelajar PSR Sekolah Rendah YSHHB Diraikan

Seramai 45 orang pelajar Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang telah berjaya memperolehi 5'A' dalam Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 2023 telah diraikan dalam Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang PSR Tahun 6 pada 8 Ramadan 1445 bersamaan 19 Mac 2024 bertempat di Dewan Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pelajar yang diraikan ialah Yang Mulia Awang Abdullah @ Dollah bin Haji Ahad, Penolong Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Majlis turut diserikan dengan persembahan kebudayaan daripada pelajar-pelajar sekolah.

“Kepada guru-guru, kejayaan cemerlang yang diraih adalah bukti kejayaan mereka dalam memartabatkan profesion perguruan hingga mampu melahirkan modal insan yang berkualiti dengan kecemerlangan yang diimpikan.”

59 Pelajar Cemerlang Sekolah Menengah Diraikan

Seramai 59 orang pelajar Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan BC GCE 'O' Level bagi tahun 2023, telah diraikan pada majlis yang diadakan di Dewan Serbaguna Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 9 Ramadan 1445 bersamaan 20 Mac 2024.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pelajar berkenaan ialah Yang Mulia Awang Abdullah @Dollah bin Haji Ahad, Penolong Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Pengetua Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Yang Mulia Dayang Chong Li Chen dalam ucapannya antara lain mengongsikan, pelajar yang mendapat lima kredit dalam peperiksaan tahun 2023 adalah 71.08 peratus berbanding 2022 sebanyak 70.5 peratus. Sebanyak 15.66 peratus adalah pelajar yang telah mencapai keputusan lima A dan 39.76 peratus mencapai sekurang-kurangnya lapan O.

Majlis turut diserikan dengan tayangan video oleh Yang Mulia Haji Azizul Asyran bin Haji Haji dan pelajar dari 10 Fast, Yang Mulia Awang Muhd Qawiem Alwan bin Haji Ahmad Maskawi.



“ Tiga mata pelajaran yang mencapai skor sempurna 100 peratus kredit adalah Sains Komputer, Fizik dan Biologi di mana mata pelajaran Biologi kekal dalam rekod 100 peratus.





Dewan An-Naura

TEMPAT

Kadar Standard

Dewan 1	BND3,500/hari	Max 900 orang
Dewan 2	BND3,300/hari	Max 800 orang
Dewan 1 & 2	BND5,000/hari	Max 1,700 orang

TEMPAT & KATERING

Pakej Ruby	BND15.50/hari	Min 600 orang
Pakej Sapphire	BND18.50/hari	Min 600 orang
Pakej Emerald	BND20.50/hari	Min 600 orang
Pakej Diamond (VIP)	BND38.50/hari	Min 600 orang

DEWAN ACARA & MESYUARAT

Dewan Acara & Mesyuarat	BND800.00/hari	Max 40 orang	Dewan Acara & Mesyuarat (pilihan rooftop)	BND1,500.00/hari	Max 60 orang
-------------------------	----------------	--------------	---	------------------	--------------



theyayaancomplex

marketingdept.wadahamal@gmail.com

+673 833 3222

theyayaanshoppingcomplex

www.yayaancomplex.com

VISI

Masyarakat Mandiri

MISI

Menguruskan Amal Jariah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan ahli-ahli keluarga Baginda secara profesional, berwawasan dan berdaya usaha untuk mencapai kesempurnaan kehidupan.

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BA 1511
Negara Brunei Darussalam

yshhb.org.bn

 Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
 yshhb_official

Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Tingkat 3, Blok B,
Jalan Pretty, Bandar Seri Begawan
BS8711, Negara Brunei Darussalam
T: 2232 731 – 737

 The Yayasan Shopping Complex  theyayasancomplex



Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Simpang 336-71
Jalan Kebangsaan, Sungai Akar
BC4115, Negara Brunei Darussalam
T: 2382 100

 Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah  syshhb.ig

Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Rumah Semaun, Jalan Jerambak
BA1511, Negara Brunei Darussalam
T: 2234 014

 khatcentre.bn
 Khat Centre Bn